

# SOKONG BERSIH KEKOTORAN DALAM KERAJAAN - PM

P

MM 4 AUG 1985

PULAU PINANG 3 Ogos  
- Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata malam tadi rakyat hendaklah menyokong tindakan kerajaan menghapuskan segala penyelewengan dan keburukan yang terdapat dalam pentadbiran.

Katanya selaras dengan dasarnya untuk menjadi kerajaan yang bersih, cekap dan amanah rakyat perlulah memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam tindakannya membersihkan diri dari segala kekotoran.

Malangnya, apabila tindakan diambil untuk membersihkan segala-gala yang kotor yang terdapat di dalam kerajaan, maka ada pihak-pihak yang membawa tafsiran yang lain kepada tindakan kerajaan, katanya ketika berucap di majlis jamuan malam rakyat di Padang Kota di sini.

Perdana Menteri berkata sudah tentu dalam usaha kerajaan membersihkan sesuatu maka kerajaan terpaksa mendedahkan yang kotor supaya

yang kotor itu dapat diketepikan atau dihapuskan.

Tetapi, menurutnya apabila kerajaan mendedahkan benda-benda yang kotor itu kadangkadang rakyat tidak nampak yang tindakan itu adalah tindakan yang baik diambil.

Perdana Menteri berkata sebaliknya mereka berkata bahawa "lihat terdapat keadaan yang kotor di dalam kerajaan" dan ini menjadi masalah kepada kerajaan apabila ia bertindak.

Katanya lagi kerajaan ingin

bertindak membersihkan dengan menyelidik apa yang berlaku di dalam agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan supaya segala penyelewengan dapat didedahkan untuk kebaikan kerajaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata sekarang didapati ada pihak-pihak yang cuba menggagalkan usaha kerajaan untuk membersihkan pentadbirannya kerana takut diri mereka yang rasuah terdedah kepada umum.

Beliau berkata rakyat hen-

daklah berjaga-jaga supaya jangan terperangkap dengan orang-orang yang cuba menyeleweng kerana kerajaan memang bersungguh-sungguh hendak menghapuskannya walaupun ia akan mengambil masa yang lama.

Perdana Menteri juga menyeru rakyat supaya bekerjasama dan memberi sokongan kepada kerajaan untuk semua tindakannya kerana dengan sokongan itulah kerajaan yang bersih dapat didirikan.